



Headline: Rugi RM108,500 angkara 'Sarjan Lee'
Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 23 December 2021

Language: Malay
Section: Dalam Negeri
Page: 33

Rugi RM108,500 angkara 'Sarjan Lee'

SEREMBAN: Seorang pesara syarikat minyak dan gas rugi lebih RM100,000 apabila terpedaya dengan sindiket Macau Scam.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) Negeri Sembilan, Superintenden Aibee Ab. Ghani berkata, mangsa, seorang lelaki berusia 66 tahun, menetap di daerah ini.

Dia menerima panggilan seorang lelaki memperkenalkan diri sebagai 'Sarjan Lee' dari Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Ipoh, 10 Disember lalu.

"Sarjan Lee memaklumkan wang dalam akaun simpanan mangsa adalah haram dan tidak berdaftar. Mangsa menidakkan tuduhan dan menyatakan wang itu milik mendiang bapanya.

"Ahli sindiket Macau Scam mengarahkan mangsa membuat pemindahan keseluruhan wang simpanan bagi proses siasatan,"

katanya di sini semalam.

Jelasnya, pada 13 Disember, mangsa ke Ambank Cawangan Port Dickson dan membuat pemindahan wang RM50,000 atas nama Hadir Bin Andi.

Selepas itu, ahli sindiket menghantar salinan surat Jabatan Audit Negara melalui WhatsApp di mana kandungan surat memaklumkan ia adalah aset yang perlu disiasat.

Seterusnya ahli sindiket mengarahkan mangsa membuat pemindahan wang ke akaun sama pada keesokan harinya.

Menurut Aibee, setiap kali transaksi dibuat, mangsa menghubungi nombor telefon yang sama dan ahli sindiket menyatakan wang mangsa akan dikembalikan setelah siasatan selesai.

Mangsa berasa tertipu kerana masih tidak mendapat sebarang perkembangan berkaitan wangnya dan membuat laporan di Balai Polis Seremban.